

ABSTRAK

Penyelidikan tindakan ini dijalankan kepada murid prasekolah yang berusia 6 tahun bagi tujuan mengatasi masalah mengira dalam operasi tambah dan tolak dalam lingkungan 1 hingga 18 menggunakan satu bahan bantu mengajar yang dibina khas untuk mengatasi masalah tersebut yang diberi nama "Kad Kalkulator". Menurut kamus dewan edisi keempat, definisi "Kad" ialah kepingan kertas yang agak tebal dan keras, kebiasaannya berbentuk segi empat. Dalam hal ini saya menggunakan mounting board sebagai salah satu bahan asas bahan bantu mengajar saya. "Kalkulator" pula ialah alat elektronik atau mekanikal untuk membuat kiraan matematik. Namun saya meminjam nama kalkulator sebagai simbolik untuk mengira. Saya menggunakan manik sebagai alat mengira dalam menyelesaikan operasi tambah dan tolak ini. Kajian ini dijalankan ke atas dua orang murid prasekolah di daerah Segamat, Johor. Hasil tinjauan awal, saya dapati terdapat dua orang murid yang tidak dapat menguasai operasi tambah dan tolak ini dengan baik. Oleh itu, dengan menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) "Kad Kalkulator" yang dibina khas untuk membantu murid-murid agar mereka dapat menyelesaikan masalah operasi tambah dan tolak ini. Saya juga menggunakan pendekatan belajar melalui bermain bagi menarik minat murid untuk menggunakan bahan bantu mengajar yang telah saya bina. Saya menyemak hasil kerja murid, membuat temu bual berstruktur, dan membuat pemerhatian secara langsung semasa mengutip data yang diperlukan. Saya membuat analisis kajian berdasarkan ujian pra ujian pasca dua orang murid tersebut. Dapatan kajian ini menunjukkan peningkatan dalam menyelesaikan operasi tambah dan tolak oleh murid-murid tersebut. Rumusan yang boleh dibuat ialah murid mampu meningkatkan kemahiran mereka dalam menyelesaikan masalah operasi tambah dan tolak ini sekiranya kita mampu menggunakan kaedah yang sesuai dengan tahap perkembangan mereka.

OBJEKTIF

- ❖ Menambah satu digit dengan satu digit, hasil tambah dalam lingkungan nombor 18.
- ❖ Menolak satu digit daripada satu digit, hasil tolak dalam lingkungan nombor 18.

ANALISIS MASALAH

Penyelidik menggunakan empat kaedah penyelidikan bagi mengenal pasti murid yang memerlukan intervensi dan inisiatif yang sesuai. Kaedah-kaedah tersebut dimulai dengan menyemak hasil kerja murid, menjalankan temu bual berstruktur bersama murid, pemerhatian, dan membina serta mentadbir ujian awal. Berikut merupakan data analisis masalah yang dikumpul oleh penyelidik.

LATAR BELAKANG

Kemahiran mengira merupakan asas pertama dalam subjek Matematik dan ia perlu dikuasai oleh setiap murid. Kemahiran ini perlu diperkenalkan kepada kanak-kanak seawal usia prasekolah supaya mereka mampu mengetahui dan menguasainya dengan baik. Berdasarkan kepada pemerhatian yang dilakukan di dalam kelas, penyelidik mendapati bahawa terdapat dua orang murid yang kelihatan bingung dan terpinga-pinga semasa menyelesaikan masalah tambah dan tolak. Operasi tambah dan tolak ini merupakan kemahiran yang paling asas semasa mempelajari subjek Matematik sebelum beralih kepada operasi-operasi yang lain. Jika terdapat murid yang gagal menguasai kedua-dua operasi ini, maka ia akan menyukarkan mereka untuk memahami topik-topik yang lain. Oleh itu, penyelidik telah melakukan satu langkah proaktif dengan membina Kad Kalkulator yang boleh digunakan untuk mengatasi masalah mengira bagi operasi tambah dan tolak yang berlaku dalam kalangan murid prasekolah SK Buloh Kasap.

INOVASI YANG DIHASILKAN

Bagi mengatasi masalah dalam mengira, penyelidik telah membina satu bahan bantu mengajar yang berbentuk mautud, boleh disentuh, menyeronokkan dan paling penting fungsinya dapat membantu murid menyelesaikan masalah yang mereka hadapi. Inovasi atau bahan bantu mengajar ini diberi nama "Kad Kalkulator".

Dapatan Kajian



Responden

- Dua murid lelaki



Murid banyak melakukan kesalahan dalam menyelesaikan operasi tambah dan tolak



Murid tidak menunjukkan minat dalam sesi pembelajaran dan bersikap pasif



Murid memerlukan masa yang banyak untuk menambah dan menolak dua nombor



Murid didapati belum menguasai kemahiran menambah dan menolak dua nombor, satu digit dan satu digit dalam lingkungan 1 hingga 18

- ### Kaedah Penyelidikan
- ✓ Menyemak hasil kerja murid
 - ✓ Temubual
 - ✓ Pemerhatian
 - ✓ Ujian awal

R
A
S
I
O
N
A
L

Bahan mautud

Pembelajaran secara bermain

Kad Kalkulator

Penggunaan warna yang menarik

Mudah dibawa ke mana sahaja

Mudah difahami

Mampu membantu murid-murid yang lemah dalam kemahiran mengira bagi operasi tambah dan tolak

Mampu membentuk keyakinan diri murid-murid ketika menyelesaikan masalah tambah dan tolak

Impak Penggunaan Kad Kalkulator

Penggunaan bahan mautud dapat menarik perhatian murid-murid dalam proses PdPc

Merupakan kaedah belajar sambil bermain yang akan membuatkan murid-murid lebih tertarik untuk belajar



KESIMPULAN

Kesimpulannya, penggunaan Kad Kalkulator ini telah dapat membantu proses pembelajaran kanak-kanak prasekolah dalam subjek Matematik menjadi lebih berkesan berbanding sebelumnya. Ini terbukti bahawa penyelidikan ini telah berjaya menunjukkan tahap peningkatan kefahaman tentang konsep tambah dan tolak bagi kanak-kanak yang terlibat dalam pelaksanaan kajian ini. Melalui penggunaan Kad Kalkulator ini juga telah membentuk pembelajaran melalui permainan. Seperti yang di ketahui, kanak-kanak membina pengalaman pembelajaran melalui penerokaan, pengalaman dan juga persekitaran fizikal di sekeliling mereka. Pendekatan belajar melalui bermain adalah satu pendekatan yang perlu disusun secara sistematik agar aktiviti yang di rancang dapat dilaksanakan dengan tersusun dan dapat dilaksanakan dengan baik. Peningkatan kefahaman murid-murid bagi operasi tambah dan tolak menunjukkan bahawa penyelidikan yang dijalankan ini berjaya dan penyelidik berharap penggunaan Kad Kalkulator ini boleh digunakan secara meluas untuk membantu guru-guru yang mempunyai masalah yang sama semasa mengajar subjek Matematik.

Nama Pengkaji : MOHAMMAD AZRIBIN AHMAD ANUAR
Sekolah : SEKOLAH KEBANGSAAN BULOH KASAP
Email : azriahmadanuar@gmail.com
Nombor Penghubung : 013-7814545 / 0128515150